Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]

TARIKH : 7.4.2015

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan elaun Guru Besar berjumlah RM100 dan bagi sekolah menengah, elaun GPK RM120 dan Pengetua yang berjumlah RM150.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar yang berkuat kuasa pada masa ini ialah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang menyandang jawatan Pengetua menerima elaun Pengetua atas kadar RM150 sebulan dan Guru Besar RM100 sebulan. Mereka juga menikmati gaji, elaun dan kemudahan lain yang lebih tinggi seperti Imbuhan Tetap, Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Perumahan Khas jika menduduki Rumah Khas Jabatan. Bagi Guru Penolong Kanan (GPK) pula, mereka menerima Elaun Tanggungjawab sebanyak RM120 bagi GPK Sekolah Menengah dan RM60 bagi GPK Sekolah Rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PPP yang dilantik sebagai Pengetua/ Guru Besar atau GPK tidak lagi berada dalam norma pembelajaran. Asas pengwujudan elaun ini ialah selain mengajar mereka juga menjalankan tugas dan tanggungjawab tambahan dalam

pengurusan sekolah.Oleh itu, kadar elaun bagi PPP yang memegang jawatan tersebut adalah kekal buat masa ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan berhemah.

RJM106